



# KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO		
TARIKH	:	31/7/2021 (SABTU)	MUKA SURAT	: 11
JABATAN	:	ST		

## JANGAN BELI BAHAYA!

Kelengkapan elektrik tanpa kelulusan ST berisiko tinggi untuk digunakan

Pengecas telefon bimbit, soket sambungan, kabel pendawaian dan palam kuasa adalah antara produk yang terdapat di pasaran terutama di kedai penjualan alat-alat telekomunikasi.

Produk seperti ini yang tidak menyedari penggunaan kelengkapan elektrik tanpa kelulusan Suruhanjaya Tenaga (ST) dan tidak berlabel SIRIM-ST adalah berisiko tinggi untuk digunakan.

Namun, ramai yang tidak menyedari penggunaan kelengkapan elektrik tanpa kelulusan Suruhanjaya Tenaga (ST) dan tidak berlabel SIRIM-ST adalah berisiko tinggi untuk digunakan.

Justeru, sebagai pengguna yang bijak, kita hendaklah memastikan hanya kelengkapan elektrik yang mempunyai label SIRIM-ST atau tanda pensijilan SIRIM sahaja digunakan.

Pengaruh Jabatan Kawal Selia Keselamatan ST, Ir Md Zakuan Ibrahim berkata, dengan adanya label SIRIM-ST, ia menunjukkan kelengkapan elektrik yang dibeli atau digunakan sudah diluluskan.

ST seringkali menekankan kepentingan menggunakan kelengkapan elektrik yang diluluskan dan mempunyai label SIRIM-ST. Ini kerana ia sudah diuji dan diperiksa dari segi keselamatan mengikut standard keselamatan yang ditetapkan.

Oleh itu, ia lebih selamat untuk digunakan berbanding dengan kelengkapan elektrik yang tidak diluluskan atau tidak mempunyai label SIRIM-ST.

Dengan ini juga, kes-kes



**Garis panduan ST mengenai kelengkapan elektrik sudah menetapkan 34 kategori peralatan elektrik dan elektronik yang mesti diuji serta diperakui mengikut piawaian yang ditetapkan termasuk peti ais, peruk nasi, cerek elektrik, air fryer dan ketuhar gelombang mikro**

Mohd Elmi Anas

kemalangan dan kebakaran yang berpunca daripada kelengkapan elektrik yang boleh menyebabkan kecederaan dan mengandungi maut dapat dielakkan.

"Sebelum sebarang peralatan elektrik yang dikawal oleh ST dapat dijual di pasaran, ia perlu mendapatkan Perakuan Kelulusan (COA) daripada ST dan menjalani ujian serta pensijilan oleh SIRIM.

"Peralatan elektrik yang telah diluluskan hendaklah diekatakan dengan label SIRIM-ST atau mempunyai tanda pensijilan SIRIM," katanya.

Pengaruh Jabatan Penguatkuasaan dan Operasi Kawasan ST, Mohd Elmi Anas berkata, ST dari semasa ke semasa menjalankan penguatkuasaan bagi memantapkan penjualan kelengkapan elektrik yang tidak diluluskan termasuk

pada Oktober 2019 di mana serbuan serentak dijalankan di 12 premis di sembilan negeri berdasarkan pemantauan dan maklumat awam.

"Dalam serbuan itu, paku penguatkuasa berjaya merampas 7,000 peralatan elektrik terkawal yang tidak mempunyai CoA dan label SIRIM-ST dengan nilai pasaran berjumlah lebih RM150,000.

"Antara senarai barangan yang disita termasuklah pengecas telefon bimbit, soket sambungan, kabel pendawaian dan palam kuasa," katanya.

ST juga membuat serbuan ke atas gudang penyimpanan kelengkapan elektrik milik pengimport seperti yang telah dilakukan pada 23 Mac lalu.

### KELENGKAPAN ELEKTRIK TANPA KELULUSAN ST

1. Palam Kuasa
2. Suis dan suis pemalap
3. Soket Aliir Keluar (ISA dan ke bawah)
4. Pemegang Lampu Kalimantan / Pemegang Pemula
5. Ros Siling
6. Tudung Benet dan Penyesuai Pelbagai
7. Lelapan Lampu
8. Kapasitor untuk Lampu Kalimantan
9. Balast/ Gear Kawalan/ Pemacu untuk Lampu
10. Pemutus Litar termasuk Pemutus Litar Bocor ke Bumi Kendalian Arus dan Pemutus Litar Miniatur
11. Lampu Mudah Alih
12. Cerek Elektrik Termasuk Elemen Pemanas Jika Dimport Berasingan
13. Pengadun / Pengisar Makanan
14. Pembakar / Ketuhar
15. Peruk Nasi
16. Peti Sejuk
17. Pemanas Air Rendam
18. Pemanas Air Serta Merta termasuk Elemen Pemanas Jika Dimport Berasingan.
19. Mesin Pemasuh
20. Kipas Elektrik
21. Pengering Rambut / Penggayaan Rambut/ Penjagaan Muka
22. Seterika
23. Pencukur Elektrik
24. Pengewap Elektrik
25. Pembersih Vakum
26. Set Hi-Fi
27. Televisyen
28. Mainan Video
29. Mesin Pengurut
30. Penyaman Udara
31. Lampu Krismas atau Lampu Cahaya Berantai
32. Peralatan Kuasa Domestik
33. Adapter / Pengecas
34. Wayar / Kabel / Kord (non-armoured) 0.5mm<sup>2</sup> to 35mm<sup>2</sup>

mengguna kelengkapan elektrik yang diluluskan oleh ST dan mempunyai label keselamatan SIRIM-ST atau mempunyai tanda pensijilan SIRIM.

Selain itu, masyarakat juga dimasalahkan berhati-hati dengan penyalahgunaan atau pemarkisan label SIRIM-ST oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Pengguna boleh menyemak dengan mudah produk yang dibeli secara dalam talian atau di kedai sama ada ia sudah mendapat perakuan daripada SIRIM dengan memasukkan maklumat produk ke dalam aplikasi mudah alih SIRIM QAS International.

Pengguna juga boleh membuat aduan kepada ST sekiranya mendapati kelengkapan elektrik yang dijual di pasaran tidak diekatakan dengan label SIRIM-ST melalui sistem eAduan ST dengan mengubungi talian 09-8870 8800 atau laman web ST iaitu www.st.gov.my.



BAHAYA penggunaan peralatan elektrik tanpa sijil asli kelulusan daripada SIRIM.



Sebelum sebarang peralatan elektrik yang dikawal oleh ST dapat dijual di pasaran, ia perlu mendapatkan Perakuan Kelulusan (COA) daripada ST dan menjalani ujian serta pensijilan oleh SIRIM

Md Zakuan Ibrahim

Dalam serbuan tersebut, beberapa jenis kelengkapan elektrik yang dikawal seperti air fryer dan pressure cooker dengan anggaran nilai rampasan sebanyak RM113,000 didapati diimport masuk ke negara ini tanpa memperoleh kelulusan ST terlebih dahulu.

Menurutnya lagi, garis panduan ST mengenai kelengkapan elektrik sudah menetapkan 34 kategori peralatan elektrik dan elektronik yang mesti diuji serta diperakui mengikut piawaian yang ditetapkan termasuk peti ais, peruk nasi, cerek elektrik, air fryer dan ketuhar gelombang mikro.

Oleh yang demikian, ST sekali lagi menasihati orang ramai hanya membeli dan



LABEL SIRIM-ST menunjukkan kelengkapan elektrik yang dibeli atau digunakan sudah diluluskan.